

## 62 Kakitangan IBTP UMS Ikrar Bebas Rasuah

Terakhir dikemaskini: Khamis, 12 Oktober 2017 10:36 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 534

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**ISNIN, 2 OKTOBER -**  
Seramai 62 kakitangan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyempurnakan Majlis Lafaz Ikrar dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada Jumaat.

Majlis itu yang diadakan di Bilik Seminar IBTP disaksikan Pemangku Pengarah IBTP, Prof. Madya Dr. Monica Suleiman.

Dalam ucapannya Dr. Monica berkata, IBR merupakan satu inisiatif yang baik bagi memastikan semua kakitangan

memegang pada janji untuk bebas daripada gejala rasuah dalam melaksanakan tanggungjawab dengan cekap, bersih dan amanah selaku kakitangan UMS.

“Ini merupakan sahutan kepada usaha pihak pengurusan UMS yang mahu memastikan setiap kakitangan yang ada tidak terlibat kepada gejala kurang sihat ini.

“Sesungguhnya, sebagai penjawat awam, kita harus menjauhkan diri daripada rasuah dan jangan sesekali tergoda dengan sebarang bentuk ganjaran atau ‘hadiyah’ yang bermotifkan keuntungan peribadi,” kata Dr. Monica.

Menurutnya, semua kakitangan IBTP perlu menghayati setiap ayat yang dilafazkan dalam ikrar sekali gus menjalankan tugas yang diberikan dengan penuh integriti.

“Untuk itu, saya sekali lagi ingin mengingatkan agar semua kakitangan menghindari rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di IBTP,” tegasnya.

Untuk rekod, setiap Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut dan Unit di UMS melaksanakan Majlis Lafaz Ikrar dan menandatangani IBR secara berperingkat sejak 25 Ogos lalu dalam usaha memastikan para kakitangan tidak terjerumus ke kancan jenayah rasuah yang kini dianggap antara musuh utama negara.

Foto: Nasrul Rukkung

